

Perkembangan Galeri Seni Persendirian di Malaysia: 1940 - 1960

Mohd Jamil Mat Isa

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia

Penulis Koresponden

Email: jmi@uitm.edu.my

Tarikh Masuk: **23.05.2022**; Tarikh Diterima: **10.08.2022**; Tarikh Diterbit: **15.08.2022**

ABSTRAK

Proses perkembangan seni lukis moden negara telah dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya ialah penubuhan dan kewujudan galeri-galeri seni persendirian. Pada peringkat awalnya Pulau Pinang merupakan lokasi yang popular untuk sektor industri kreatif ini. Kajian ini melihat secara kronologi penubuhan sebanyak mungkin galeri seni persendirian bermula dari era 1940-an sehingga 1960-an di Malaysia. Galeri seni persendirian mempunyai peranan penting dalam proses perkembangan seni lukis negara. Aktiviti yang dijayakan oleh galeri seni persendirian memainkan peranan besar dalam kerjaya seorang pelukis. Objektif kajian ini adalah untuk mendokumentasikan secara kronologi penubuhan galeri seni persendirian dan kegiatan yang telah dijayakan. Kaedah pengumpulan maklumat melalui pelbagai bahan penerbitan oleh galeri-galeri persendirian telah dijalankan. Bermula dengan dua buah galeri yang diasaskan oleh dua tokoh pelukis perintis di era Kolonial British di Pulau Pinang, industri berasaskan kreatif ini berkembang ke Kuala Lumpur sejajar dengan fungsinya sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran negara. Sejumlah lapan galeri dikesan menjalankan kegiatan berkaitan dengan seni lukis, ini membantu proses perkembangan seni lukis tempatan pada ketika itu.

Kata Kunci: *Galeri Persendirian, Pameran, Promoter Seni.*

Development of Private Art Gallery in Malaysia: 1940 - 1960

Mohd Jamil Mat Isa

College of Creative Art, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia

Corresponding author

Email: jmi@uitm.edu.my

Received Date: **23.05.2022**; Accepted Date: **10.08.2022**; Available Online: **15.08.2022**

ABSTRACT

The development of modern art in the country has been influenced by several factors, including the establishment and existence of private art galleries. Penang was a popular location for this creative industry sector in its early stages. This study looks chronologically at the establishment of as many private art galleries as possible from the 1940s to the 1960s in Malaysia. Private art galleries play an essential role in national art development. The activities carried out by private art galleries play a significant role in an artist's career. This study's objective was to chronologically document the establishment of private art galleries and their successful activities. Methods of gathering information through various publications by private galleries were carried out. Starting with two galleries founded by two pioneering painters in the British Colonial era in Penang, this creative-based industry expanded to Kuala Lumpur in line with its function as the country's economic and administrative centre. A total of eight galleries were detected carrying out activities related to art; this helped the process of development of local art at that time.

Keywords: *Private Gallery, Exhibition, Art Promoter.*

PENGENALAN

Proses perkembangan seni lukis moden negara telah dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya ialah penubuhan dan kewujudan galeri-galeri seni persendirian tempatan. Di peringkat awalnya Pulau Pinang merupakan lokasi yang popular untuk sektor industri kreatif ini. Namun terdapat juga lokasi-lokasi lain yang menawarkan perniagaan ini. Adalah dipercayai perniagaan yang berasaskan seni lukis ini bermula seawal Era Kolonial British di Pulau Pinang ketika era 1930-an.

Galeri seni menjadi medan para pelukis untuk mempamerkan hasil karya seni mereka. Penganjuran pelbagai pameran seni lukis oleh pemilik galeri seni persendirian sentiasa ditunggu oleh setiap lapisan pelukis tanpa mengira latar belakang. Terdapat dua bentuk pameran, iaitu pameran terbuka di mana semua pelukis boleh menghantar karya untuk dipamerkan namun tertakluk kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh pihak galeri seni persendirian yang menganjurkannya. Pameran jemputan juga menjadi amalan, pihak galeri seni komersial terlebih dahulu mengenal pasti pelukis-pelukis yang menepati konsep atau tema sesuatu pameran yang akan dianjurkan.

Di awalnya kepentingan galeri seni persendirian tidaklah begitu diperkatakan, kerana pelukis dan promoter seni lebih gemar menggunakan ruang restoran dan ruang sedia ada yang terdapat di bangunan-bangunan persatuan atau komersil untuk dijadikan ruang pameran sementara. Ruang di bangunan Hwee Ann

Association, Chin Kang Association dan Rubber Trade Association di Jalan Anson sering menjadi pilihan untuk aktiviti pameran seni lukis di Pulau Pinang. Kaedah ini lebih menjimatkan kos pengoperasian dan penganjuran sesuatu pameran itu. Sundry Shop Guild di Jalan Yang Kalsom, Ipoh dan sebuah kedai kopi di Muar tercatat sebagai lokasi yang telah menjadi pilihan untuk penganjuran pameran seni lukis pada suatu ketika dahulu.

KAJIAN LITERATUR

Aktiviti berpameran di Malaysia telah dikesan seawal tahun 1920-an. Ooi Hwa dicatatkan sebagai pelukis tempatan pertama yang telah menjayakan pameran perseorangan. Pameran itu telah berlangsung di Pulau Pinang pada tahun 1927. Seorang lagi rakan pengajiannya di Akademi Seni Halus Shanghai, Lee Cheng Yong (1913-1974) juga telah mengadakan pameran perseorangannya pada tahun 1934 di Bangunan Philomatic Union, Lebuh Acheh. (Tan Chee Khuan, 1994).

Dewan atau ruang di sekolah juga menjadi pilihan untuk mempamerkan karya-karya seni lukis. Ketika era pemerintahan British, Sekolah Ayer Molek di Johor Baharu telah menganjurkan pameran seni lukis pada akhir 1940-an. Frank Sullivan menyedari bahawa ketiadaan galeri persendirian menjadi penghalang kepada produksi seni lukis tempatan. Sewajarnya terdapat institusi yang mampu memainkan peranan dalam menyokong aktiviti seni lukis tempatan agar bergerak lebih pantas (Syed Ahmad, 1982).

Syed Ahmad Jamal (2007) menyatakan sejarah penubuhan galeri seni persendirian ini telah bermula sekitar 1940-an apabila Yong Mun Sen atau nama asalnya Yen Lan (1896-1962) menubuhkan Galeri Seni Mun Sen di Pulau Pinang. Diikuti oleh pelukis catan batik, Chuah Thean Teng (1914-2008) juga telah menubuhkan galeri persendiriannya di Pulau Pinang. Pada awalnya pelukis-pelukis cat air memasarkan hasil karya mereka secara terbuka di kedai kopi, kaki lima kedai, kawasan tumpuan awam dan di tapak pesta (Mohd Jamil, 2017).

Penglibatan beberapa orang rakan pelukis dalam mengusahakan perniagaan berasaskan seni dan kraf di Pekan Rabu, Alor Setar juga menambahkan lagi aktiviti berkaitan dengan industri kreatif. Pelukis kelahiran Kedah, yang dikenali sebagai A. B. Ibrahim (1925-1977) atau nama sebenarnya Ibrahim Abu Bakar bersama rakan-rakan pelukis A. J. Rahman (1922-1995), Saidin Yahya (1922-1988) dan Senu Abdul Rahman telah mengusahakan perniagaan berasaskan seni lukis di Kompleks Pekan Rabu, Alor Star. Warna Art Studio, telah ditubuhkan oleh tiga rakan pelukis tersebut pada 1 April 1946 (Mohd Jamil, 2017).

Perpustakaan Pulau Pinang menjadi lokasi pameran perseorangan Tay Hooi Keat (1910-1989) pada tahun 1948. Tsai Horng Chung (1915-2003) menyempurnakan pameran perseorangannya yang pertama di China Chambers of Commerce, Kuching. A. B Ibrahim menjadikan Pesta Perdagangan Pulau Pinang sebagai medan pamerannya pada tahun ini.

Chuah Thean Teng memilih Bangunan Arts Council sebagai ruang pameran perseorangannya yang pertama pada tahun 1955. Bangunan British Council menjadi pilihan Tay Hooi Keat untuk pameran perseorangannya yang kedua pada tahun ini. Tsai Horng Chung telah mengadakan pameran perseorangan yang kedua pada tahun 1956 di British Council, Kuching, Sarawak.

Chia Teik Chiam telah mengusahakan Yu Chian Art Gallery yang beroperasi di Jalan Prangin, Bandaraya Georgetown. Ho Khay Beng pemilik Oriental Art Gallery memilih Hotel Rasa Sayang Pulau Pinang sebagai lokasi perniagaannya. Yang Niu Gallery telah beroperasi dari tahun 1950 hingga 1970 di BB Park Kuala Lumpur (Ooi Kok Chuen, 2002).

A. B Ibrahim telah mengadakan pameran perseorangannya pada tahun 1962 di Dewan Besar Perniagaan Cina, Ipoh. Sekitar 1960-an, suasana kegiatan seni lukis di Pulau Pinang dan Ipoh amat berbeza dengan Kuala Lumpur. Sambutan masyarakat pada ketika itu dikatakan memberangsangkan dan ianya

memberi harapan dan semangat kepada peniaga seni lukis untuk bergiat aktif dengan penganjuran pelbagai pameran seni lukis. Arts Club & Kota Bharu Photographers' Club memilih Scouts Hall di Kota Bharu untuk pameran mereka pada tahun 1960. Tay Moo Leong menjadikan Penang Art Society untuk pameran perseorangannya yang pertama pada tahun 1961.

Chuah Kooi Yong memilih ruang di Khek Association di Pulau Pinang dan Anthony Sum memilih Chinese Drama Hall di Kuala Lumpur untuk pameran perseorangan mereka pada tahun 1963. Tew Nai Tong pula menjayakan pameran perseorangannya yang pertama di British Council, Kuala Lumpur pada tahun 1964.

Bangunan Chin Kang Association di Pulau Pinang menjadi ruang pameran perseorangan Ho Khay Beng pada tahun 1965. Lee Long Looi memilih ruang di Balai Besar, Alor Star, Kedah. Tay Mo Leong dan Yeoh Jin Leng memilih ruang di British Council, Kuala Lumpur untuk pameran perseorangan mereka yang pertama pada tahun 1965. Ruang mezanin di Bangunan A.I.A, Jalan Ampang Kuala Lumpur menjadi ruang pameran perseorangan pertama Long Thien Shih yang ditaja oleh Malayan Arts Council dan dirasmikan oleh Duta Peranchis ke Malaysia pada ketika itu.

Cheah Thien Song telah mengadakan pameran perseorangannya yang pertama di Chinese Chamber of Commerce, Kuching, Sarawak pada tahun 1967.

Pada tahun 1968 beberapa aktiviti pameran telah berlangsung, kumpulan pelukis APS Cawangan Kelantan memilih ruang di Bangunan Scouts Hall Kota Bharu untuk pameran mereka. Tang Tuck Kan (1934-2012) menyempurnakan pameran perseorangannya di Goethe Institute, Kuala Lumpur dan Tay Hooi Keat kembali mengadakan pamerannya yang ketiga di Bangunan British Council. Tsai Horng Chung terus memilih Bangunan China Chambers of Commerce, Kuching untuk pameran perseorangannya yang ketiga pada tahun ini.

Cheng Haw Chien memilih ruang di Hui-an Association Pulau Pinang untuk pameran perseorangannya yang pertama pada tahun 1969.

Beberapa lokasi strategik di sekitar Kuala Lumpur mula diaktifkan sebagai premis perniagaan seni lukis. Wisma Stephens (kini Wisma Cosway) di Jalan Raja Chulan Kuala Lumpur dihuni oleh Art House Gallery. Bangunan AIA di Jalan Ampang menjadi pilihan Galeri Seni Samat. Jalan Raja Muda menjadi lokasi Galeri APS dan Jalan Pinang pula beroperasi Galeri 11.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini melalui kajian sekunder. Kajian sekunder khususnya berkaitan dengan kronologi penubuhan sesebuah galeri seni persendirian melalui pelbagai bahan penerbitan. Informasi berdasarkan rujukan pelbagai penerbitan membantu penyelidik dalam proses membina kronologi penubuhan galeri-galeri seni persendirian di Malaysia. Melalui sumber pembacaan dokumen seperti kad jemputan, katalog dan buku yang telah diterbitkan menjadi sandaran untuk mendapatkan fakta yang berkaitan dengan sesebuah galeri komersil. Keratan akhbar yang melaporkan aktiviti pameran juga membantu dalam membina dan menyusun secara kronologi penubuhan sesebuah galeri seni persendirian. Biodata seseorang pelukis juga menjadi rujukan penting dalam usaha mengenalpasti kewujudan sesebuah galeri seni persendirian di negara ini.

Kajian ini melihat secara kronologi penubuhan sebanyak mungkin galeri seni persendirian mulai tahun 1940 an sehingga 1960an di Malaysia. Galeri seni persendirian mempunyai peranan penting dalam proses perkembangan seni lukis negara.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada penubuhan sebanyak mungkin galeri-galeri persendirian ketika era 1940-an sehinggalah era awal 1960-an. Siri-siri pameran anjuran galeri persendirian menambah dan memeriahkan lanskap seni lukis tempatan. Sumbangan mereka terhadap perkembangan seni lukis tempatan tidak dapat dinafikan. Aktiviti pameran dan program-program iringan yang dianjurkan oleh pihak galeri seni persendirian memberi impak yang tersendiri dalam proses perkembangan industri seni lukis tempatan.

Galeri Seni Mun Sen

Pada 1920 tercatat sejarah penting di Pulau Pinang dalam konteks seni lukis tempatan. Pada tahun tersebut Yen Lang telah berhijrah dari Singapura ke Pulau Pinang atas peluang pekerjaan dimana beliau ditempatkan di cawangan kedai buku di Lebuh Carnavon. Pada waktu itulah beliau menukarkan namanya kepada Yong Mun Seng (Tan Chee Khuan, 1994).

Pada 1922 pelukis kelahiran Kuching, Sarawak ini telah menubuhkan studio seni lukisnya yang dikenali sebagai Studio Seni Tai Koon yang beroperasi di tingkat atas rumah kedai dua tingkat di Lebu Chulia. Fotografi menjadi pilihannya untuk memperoleh pendapatan pada ketika itu dan beliau turut mempamerkan karya-karya seni lukisnya untuk jualan. Yong Mun Sen yang digelar sebagai “Father of Malaysian Painting” selepas itu telah membuka sebuah studio seni lukis yang dinamakan sebagai Galeri Seni Mun Sen pada 1930. Premis baharu ini beroperasi di deretan bangunan kedai dua tingkat di Jalan Penang, sebaris dengan Boon Pharmacy yang bertentangan dengan Jalan Argyll. Pada tahun berikutnya Mun Seng membuka studio tambahan di Jalan Northam yang kini dinamakan sebagai Jalan Sultan Ahmad Shah (Ooi Kok Chuen, 2002).

Kini bangunan tersebut telah dirobohkan untuk pembangunan yang lebih sesuai dengan peredaran zaman dan kehendak semasa oleh pihak yang bertanggungjawab dalam usaha untuk memberi kemudahan kepada masyarakat dan pelancong.

Merujuk kepada penulisan Syed Ahmad Jamal, (2007) Galeri Seni Mun Sen dicatatkan sebagai premis perniagaan seni lukis terawal di Pulau Pinang mulai pada 1941.

Galeri Seni Yahong

Galeri ini telah diasaskan oleh pelukis Chuah Thean Teng (1912-2008) kelahiran Fujian, China pada tahun 1953. Beliau amat dikenali dengan catan-catan batik juga telah menghasilkan karya-karya cetakan kayu di atas kertas seawal 1930an, antaranya ialah *Portrait* (1930), *Break Time* (1936) dan *Working* (1938). Potongan kayu pokok jambu batu menjadi pilihannya sebagai blok untuk diukir. Nama Chuah Thean Teng telah tercatat sebagai pelukis tempatan yang menghasilkan seni cetak terawal bersama Abdullah Ariff (Mohd Jamil, 2017).

'Yahong' memberi maksud Bayu Nyiur. Galeri tersebut yang bermula hanya sebagai kedai/studio beralamat di 31, Lebu Leith, Georgetown, Pulau Pinang. Memenuhi kehendak dan peredaran masa, kini deretan kedai tersebut telah dibangunkan dengan binaan sebuah hotel yang moden dan mewah.

Lima tahun kemudian, iaitu pada tahun (1958), pihak pengurusan Galeri Seni Yahong mengambil keputusan untuk berpindah ke lokasi berhampiran iaitu di 68, Lebu Leith, Georgetown. Lokasi baharu ini lebih sesuai dengan aktiviti perniagaan yang diusahakan. Deretan kedai lot tepi ini berhampiran simpang di antara Lebu Leith dan Lebu Chulia serta Jalan Penang. Kini lot tersebut merupakan sebuah restoran.

Setelah beberapa waktu beroperasi, pemiliknya mengambil keputusan untuk berpindah ke lokasi baharu yang lebih strategik.

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mempertingkatkan lagi pengurusan dan pentadbiran negara termasuklah bidang ekonomi. Bidang perniagaan yang berasaskan seni lukis ini juga tidak ketinggalan. Ianya turut mendapat perhatian dan sokongan dari pelbagai pihak yang berminat dan berkaitan untuk meneroka peluang-peluang baharu yang dapat menambahkan lagi perniagaan dan juga pekerjaan.

Galerie de Mai

Diusahakan oleh May Liang, isteri pelukis catan batik dan cat air Tay Mo Leong. May Liang sepertimana suaminya, juga merupakan seorang pelukis dan aktif menyertai pelbagai pameran seni lukis.

Galerie De Mei telah berjaya menganjurkan dua pameran utama pada tahun 1963 dan 1964, iaitu *Salon de Mai Art Exhibition*. Pameran bertaraf antarabangsa ini telah dianjurkan oleh Tay Mo Leong bersama rakan pelukisnya iaitu Khoo Sui Ho. *Salon de Mai* mengumpul dan mempamerkan karya-karya pelukis di sekitar Pulau Pinang dan Asia Tenggara. Sambutan dari khalayak seni tempatan pada ketika itu amat menggalakkan. Menjadikan karya-karya seni lukis dan kraf sebagai produk perniagaannya.

Pada peringkat permulaannya Galerie De Mei telah beroperasi di salah sebuah bangunan di Lebuh Kimberly untuk beberapa tahun. Perniagaan galeri ini berjalan sepertimana yang dirancang oleh pemiliknya.

Galeri Galaxy

Galeri Galaxy yang beroperasi di Jalan Hicks, Bukit Bintang, Kuala Lumpur merupakan sebuah galeri seni persendirian yang aktif di Malaysia (Malaya) pada ketika itu. Ianya diasaskan oleh Chung Kim Siew dan diuruskan oleh Yin Hong bermula pada pertengahan 1950-an sehinggalah tahun 1973.

Galeri Galaxy ditubuhkan untuk memenuhi keperluan masyarakat tempatan yang mula memberi tumpuan dan minat terhadap seni lukis tempatan. Catatan Syed Ahmad Jamal (1982) juga menyatakan bahawa galeri ini merupakan yang terawal beroperasi di Kuala Lumpur.

Suasana landskap seni lukis tempatan telah berubah, aktiviti seni lukis telah berkembang ke lokasi baharu iaitu Kuala Lumpur. Ianya berkait rapat dengan suasana aktiviti ekonomi dan pentadbiran pada ketika itu.

Golongan pelukis pula amat menantikan ruang dan peluang yang mungkin diwujudkan untuk mereka meneruskan kerjaya kreatif mereka. Ianya untuk kelangsungan kerjaya seni mereka dan kehidupan.

Art House Gallery

Art House Gallery yang beroperasi di Lot 2.39-2.42, Aras 2, Wisma Cosway, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1965 oleh Yiu Hong yang berasal dari China. Catan stail China adalah keistimewaan perniagaannya disamping perabot dan produk kraft dan antik dari negara China, Tibet dan Borneo. Art House Gallery turut aktif dalam menganjurkan siri-siri pameran secara berkumpulan dan juga perseorangan oleh pelukis tempatan dan juga dari negara China.

Galeri Seni Samat

Frank Sullivan, Samat Silat dan beberapa rakan pelukis lain telah bersepakat untuk menubuhkan sebuah galeri seni persendirian pada Jun 1966 dan beroperasi di Bangunan Straits Trading berhampiran dengan Bangunan Sultan Abdul Samad. Setahun kemudian ianya berpindah ke Bangunan A.I.A., yang terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur sebagai lokasi premis mereka. Antara objektif penubuhannya adalah bertujuan untuk mempromosi seni lukis Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Tay Mo Leong pelukis kelahiran Pulau Pinang yang dikenali dengan catan batik dan cat air itu adalah antara pelukis terawal yang mengadakan pameran perseorangannya di galeri tersebut pada 1966.

Pada Februari 1967, Dzulkipli Buyong (1948-2004) telah diberi peluang untuk mengadakan pameran perseorangannya di galeri tersebut. Pameran ini telah mendapat sokongan kebawah DYMM Sultan Selangor iaitu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj, apabila Baginda telah berkenan untuk merasmikannya. Le Chek Wen (1934-1988) juga diberi ruang untuk pamerannya yang berkolaborasi bersama dengan Galeri Galaxy pada 1967.

Pelukis kelahiran Terengganu, Chew Teng Beng menyertai Dzulkipli Buyong untuk menjayakan pameran perseorangannya pada tahun yang sama. Jolly Koh pelukis abstrak kelahiran Singapura juga memeriahkan aktiviti pameran di galeri ini dengan pameran perseorangannya yang ketiga.

Pihak Galeri Seni Samat telah berkolaborasi dengan Galeri Galaxy untuk menganjurkan pameran perseorangan Le Chek Wen (1934-1998) pada tahun ini. Beliau yang dikenali dengan karya catan abstrak yang menggunakan medium dakwat Cina. Lee Long Looi pelukis kelahiran Kedah juga telah berjaya melaksanakan pameran perseorangan keduanya pada tahun ini. Karya-karya catannya bertemakan potret wanita yang digayakan.

Galeri Seni Samat terus aktif menganjurkan pelbagai pameran oleh pelukis-pelukis tempatan. Pameran seterusnya ialah oleh pelukis kelahiran Kedah, Joseph Tan Chan Jin (1941-2002) pada 1968 dengan mempamerkan karya-karya catan dari *Graffiti Series* yang dihasilkannya. *Atelier 17* telah mengumpulkan pelukis-pelukis tempatan yang pernah menuntut di pusat seni tersohor Paris itu untuk mempamerkan karya-karya cetakan gubahan mereka pada tahun tersebut. Sebanyak 40 cetakan gubahan berjaya dipamerkan. 30 daripadanya adalah karya oleh pelukis-pelukis Malaysia.

Pelukis kelahiran Melaka, Jehan Chan Yee Hing (1937-2011) juga mendapat perhatian oleh galeri ini untuk mengadakan pameran perseorangannya yang pertama. Khalil Ibrahim (1934-2018) juga diberi ruang untuk pameran perseorangan pertamanya di Galeri Seni Samat. Cheong Lai Tong meneruskan siri pameran perseorangan di galeri ini pada 1968, begitu juga dengan Syed Ahmad Jamal (1929-2011). Pada tahun ini, Galeri Seni Samat menganjurkan pameran karya-karya cetakan oleh Long Thien Shih sekembalinya beliau dari Paris.

Pada tahun 1969, Lee Kian Seng pelukis kelahiran China pula memperagakan catan batiknya hasil dari pengajiannya di Jepun. Pelukis kelahiran Bogor, Indonesia, yang terkenal dengan karya-karya figuratif dan potret, Mohammed Hossein Enas (1924-1995) juga mendapat peluang untuk menjayakan pameran perseorangannya di galeri ini pada 1969. Khor Seow Hooi juga mendapat peluang untuk pameran perseorangannya yang pertama pada tahun yang sama.

Pelukis kelahiran Terengganu dan pengasas serta presiden Friday Art Group di Kuala Terengganu, Chew Kiat Lim menyertai senarai untuk pameran perseorangan di galeri ini pada tahun yang sama. Begitu

juga dengan Jolly Koh untuk pameran perseorangnya yang keempat dan kedua bersama Galeri Seni Samat.

Ismail Zain (1991), menyatakan bahawa Galeri AIA (Galeri Seni Samat) merupakan antara galeri persendirian yang berjaya ketika era 1960-an. Galeri ini diangkat sebagai penentu cita rasa seni yang berwibawa hasil sokongan padu diperingkat awal penubuhannya.

Galeri 11

Chan Voon Fee (1931-2008) telah menubuhkan Galeri 11 pada Jun 1966 di 11 Jalan Pinang, Kuala Lumpur. Arkitek yang berminat dalam seni lukis ini telah mengubah suai sebuah bangunan untuk dijadikan premis galerinya. Bangunan tersebut juga merupakan ruang studio beberapa orang pelukis. Antaranya ialah Abdul Latiff Mohidin, di sinilah beberapa catan *Siri Pago-Pago* dihasilkan pada ketika itu.

Beliau melihat kepada kebolehan dan bakat yang ada pada pelukis-pelukis tempatan. Penubuhannya telah disambut baik oleh peminat seni lukis dan pelukis-pelukis tempatan pada ketika itu. Long Thien Shih juga mendapat ruang untuk menjayakan pameran perseorangnya pada tahun 1966.

Galeri 11 telah menganjurkan aktiviti pameran pertamanya iaitu pameran berkumpulan pada tahun 1967 yang disertai oleh Abdul Latiff Mohidin, Jolly Koh, Lee Kian Seng dan Syed Alwi. Pameran ini telah dirasmikan oleh Ghazali Shafie (Tun) dan ianya amat berjaya dan mendapat sambutan yang menggalakan apabila banyak karya-karya yang dibeli oleh pengumpul seni.

Galeri 11 bukan sahaja mendapat perhatian dari pelukis tempatan, malah pelukis-pelukis dari Eropah turut sama meraikan keujudannya. Mereka turut sama menyertai pameran yang dianjurkan oleh Galeri 11.

Amat mendukacitakan, Galeri 11 terpaksa mendiamkan diri setelah dua tahun beroperasi meskipun merupakan galeri seni persendirian yang sofistikated pada ketika itu. Setelah itu Dawn Zain mengambil alih pengurusan Galeri 11 pada 1968. Satu pameran berkumpulan telah dianjurkan pada tahun ini yang disertai antaranya ialah Sharifah Fatimah Syed Zubir.

Abdul Latiff Mohidin dan Cheong Lai Tong, masing-masing telah mengadakan pameran perseorangan mereka di galeri ini pada tahun 1969. *Debris (Pago-Pago Series)*, (1968) adalah antara karya Abdul Latiff Mohidin yang telah dipamerkan dalam pamerannya itu. *Scene*, pameran yang telah dijayakan pada 1969 memberi suatu kelainan dalam seni lukis negara pada era tersebut.

Sumbangan Galeri 11 terhadap proses perkembangan seni lukis negara tidak boleh dinafikan. Aktiviti-aktiviti pameran yang dilaksanakan telah memberi kesan positif dalam proses perkembangan seni lukis tempatan.

Galeri APS

Beberapa orang ahli Angkatan Pelukis Semenanjung (APS) telah berusaha untuk menubuhkan sebuah galeri untuk kemudahan ahli-ahlinya berpameran. Hasrat itu akhirnya terlaksana pada tahun 1967 dan beroperasi di Jalan Raja Muda (Princess Road), Kuala Lumpur.

Menurut Abdullah Kassim (1998), di peringkat awal ianya dikenali sebagai Dewan Seni Rupa yang diuruskan oleh Sabtu Yusof. Premis tersebut juga digunapakai sebagai ruang studio oleh beberapa orang ahlinya di waktu malam. Galeri APS aktif menganjurkan pameran seni lukis bukan hanya dari kalangan ahli tetapi juga oleh pelukis-pelukis lain. Ini telah dijelaskan oleh Dolores D. Warton di dalam bukunya *Contemporary Artists of Malaysia* di halaman 99, 1971.

“Exhibitors are not limited to Society members but most works are those members”

Galeri APS juga tidak panjang usianya apabila terpaksa berakhir setelah dua tahun beroperasi. Ianya telah mencatat sejarahnya yang tersendiri sebagai sebuah galeri seni yang dimiliki oleh kumpulan pelukis yang pertama seumpamanya di negara ini.

KESIMPULAN

Kemunculan galeri seni persendirian semenjak di era kolonial memberi kesan yang positif terhadap proses perkembangan seni lukis negara. Diusahakan oleh pelukis-pelukis dari generasi perintis, galeri seni persendirian terus berkembang mengikut permintaan dan situasi ekonomi negara.

Gelombang perniagaan seni lukis telah dikesan bermula di sekitar Bandaraya Pulau Pinang. Pada ketika itu aktiviti urus niaga oleh pelukis-pelukis cat air berlaku di kawasan terbuka di tepi jalan dan kaki lima bangunan. Kehadiran Yong Mun Seng dan Chuah Thien Teng telah mengubah suasana tersebut apabila mereka membuka ruang galeri masing-masing untuk mempamerkan dan menjual karya-karya mereka di Pulau Pinang. Kemudian ianya berkembang ke Kuala Lumpur, bersesuaian dengan fungsinya sebagai sebuah pusat pentadbiran negara. Faktor ekonomi juga turut mempengaruhi perubahan tersebut.

Promoter seni telah mengambil alih peranan pelukis - pelukis perintis untuk meneruskan perniagaan galeri seni persendirian. Ini memberi ruang kepada pelukis untuk menumpukan perhatian kepada penghasilan karya-karya mereka. Segala urusan pengendalian galeri diambil alih oleh promoter seni yang semakin berkembang.

Bermula seawal tahun 1940-an dengan hanya dua galeri kecil yang diasaskan oleh dua tokoh pelukis perintis di Pulau Pinang, perniagaan yang berasaskan kreatif itu telah berkembang dan berpindah ke Kuala Lumpur. Ianya sejajar dengan fungsi Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran negara pada ketika itu. Sejumlah lapan galeri dikesan menjalankan aktiviti berkaitan dengan seni lukis sehingga tahun 1960-an, ini membantu proses perkembangan seni lukis tempatan. Galeri seni persendirian telah membuka ruang dan peluang kepada pelbagai generasi pelukis tempatan untuk meneruskan aktiviti seni lukis mereka. Jumlah galeri seni persendirian juga turut bertambah dengan penglibatan beberapa individu yang melihat potensi yang baik dalam perniagaan yang berasaskan seni lukis ini.

RUJUKAN

Abdullah Kassim (1998). *Angkatan Pelukis Malaysia Sepintas Lalu. Menemui Identiti, 40 Tahun Angkatan Pelukis Se Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.

Ismail Zain. (1991). *Meditation on the Art Market in Malaysia in 33 Years After...* Julai 1991. Kuala Lumpur: Room at The Top.

Mohd Jamil Mat Isa. (2017). *Development of Style in Malaysian Printmaking: 1930 - 2000*. Unpublished thesis. UiTM: Faculty of Art & Design.

Nur Hanim Khairuddin, Beverly Yong, Rahel Joseph & Tengku Sabri Ibrahim. (2016). *Infrastruktur Naratif Seni Rupa Malaysia*. Kuala Lumpur: RogueArt.

- Ooi Kok Chuen. (2014). *Choong Kam Kow Retrospective - Cross Culture- Trans Era*. Kuala Lumpur: National Art Gallery.
- Ooi Kok Chuen. (2002). *A Comprehensive History of Malaysian Art*. Pulau Pinang: The Art Gallery.
- Syed Ahmad Jamal (2007). *Crafts and the visual arts* (The Encyclopaedia of Malaysia). Editions Didier Millet.
- Syed Ahmad Jamal. (1982). *Seni Lukis Malaysia 25 Tahun, 1957-1982*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Tan Chee Khuan, (2015). *310 (Three-Ten) Malaysian Artists*. Pulau Pinang: The Art Gallery.
- Tan Chee Khuan, (2014). *Eight Pioneers of Malaysian Art*. Second Edition. Pulau Pinang: Penang State Museum & Art Gallery.
- Tan Chee Khuan, (1994). *Perintis-Perintis Seni Lukis Malaysia*. Pulau Pinang: The Art Gallery.
- Wharton, D. D. (1971). *Contemporary Artists of Malaysia: A Biographic Survey*. Petaling Jaya: Union Cultural Organisation.